

()04 / C / P / 656 / 2 / 2008

Februari 2008

Pk (EQ) MPOB 01/08

Semua Syarikat Jurukur keluaran Kelapa Sawit

Tuan,

PELAPORAN SURAT BANTAHAN (PROTEST LETTER) SECARA ELEKTRONIK

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak pengurusan MPOB telah membangunkan sistem e-Surat Bantahan yang membolehkan pihak tuan melaporkan kepada Lembaga setiap bantahan atau pertikaian mengenai pengukuran keluaran kelapa sawit secara elektronik (*on-line*). Sistem e-Surat Bantahan ini akan mula digunakan sepenuhnya mulai 15 Mac 2008.

3. Sehubungan itu, pihak tuan adalah diingatkan supaya menghantar maklumat-maklumat yang diperlukan secara *on-line* di alamat internet : <http://www.eqcmpob.com.my>

()04 / C / P / 656 / 2 / 2008

Dengan cara ini diharap dapat memudahkan kerja-kerja penghantaran maklumat kepada pihak MPOB mengikut masa seperti yang diperuntukkan di dalam syarat-syarat lesen yang dikenakan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit (Pelesenan) 2005.

4. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Penguatkuasaan MPOB dan Manual Pengguna e-Surat Bantahan untuk panduan dan rujukan tuan-tuan.

Sekian untuk perhatian dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

Yang benar,



DATO' DR. MOHD BASRI WAHID
Ketua Pengarah
MPOB.

- s.k.:-
- i) Ketua Unit Kawalan Mutu
 - ii) Ketua Unit Penguatkuasa
 - iii) Ketua Unit Pelesenan
 - iv) Semua Ketua Wilayah MPOB
 - v) Semua Ketua Cawangan MPOB
 - vi) Semua Ketua Pejabat Pelabuhan MPOB